

# Makanan Haram bagi Agama Yahudi berdasarkan Kitab Torah

## *Forbidden Food for Jews according to Torah Scripture*

Ummi Zainab Mohd Ghazali<sup>1</sup> & Muhammad Azizan Sabjan<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup> Bahagian Falsafah dan Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800, Pulau Pinang, Malaysia;

### Article progress

Received: 17 November 2022

Accepted: 30 November 2022

Published: 31 May 2023

\*Corresponding author:

Ummi Zainab Mohd Ghazali,  
Jabatan, Bahagian Falsafah dan  
Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu  
Kemanusiaan, Universiti Sains  
Malaysia, Pulau Pinang,  
Malaysia;

Email:  
ummighazali@gmail.com

**Abstrak:** Agama Yahudi merupakan salah satu daripada agama tertua dunia yang berasal dari lembah Kanaan, iaitu suatu kawasan yang terletak di negara Palestin sekarang. Kewujudannya iaitu sekitar tahun 1500 SM adalah lebih awal berbanding kelahiran agama Kristian dan juga agama Islam. Menurut pengikut Yahudi, agama ini dikatakan bermula apabila nabi mereka iaitu Moses menerima kitab Torah di gunung Sinai lebih kurang 3500 tahun dahulu. Orang Yahudi percaya bahawa kitab Torah yang kini dalam pegangan mereka adalah kitab suci yang sama yang telah diturunkan kepada Moses tanpa mengalami apa-apa perubahan. Dalam kitab Torah ini, terdapat undang-undang peraturan pemakanan agama Yahudi yang dikenali sebagai Kashrut. Undang-undang Kashrut antara lain mengandungi perintah makanan yang boleh dimakan golongan Yahudi iaitu digelar Kosher dan makanan yang dilarang makan bagi mereka iaitu dipanggil Therif. Orang Yahudi percaya Kosher dikuatkuasakan kepada mereka oleh Tuhan tanpa perlunya sebarang penerangan atau justifikasi atas sebab pengharaman makanan-makanan tersebut. Artikel ini akan cuba mengupas senarai makanan haram atau Therif bagi agama Yahudi seperti yang telah ditetapkan dalam kitab Torah mereka. Kajian dilaksanakan secara kualitatif melalui kaedah analisis kandungan kitab Torah serta pengaplikasian metod deduktif dan induktif. Hasil kajian mendapati pengharaman makanan dalam agama Yahudi melibatkan tiga isu teras utama iaitu (1) haiwan yang diharamkan, (2) pengharaman darah dan (3) pengharaman campuran daging dan susu, serta dua isu tambahan iaitu larangan makan pohon/buah tertentu dan status arak bukan buatan Yahudi.

**Kata Kunci:** Yahudi, Torah, Kashrut, Kosher, Therif;

**Abstract:** The religion of Jews is one of the oldest known religions in the world originating from the valley of Canaan in modern day Palestine. It's formation year of 1500 BC pre-dates the existence of Christianity and Islam. According to Jews, this religion was founded when their prophet Moses received the Torah scripture directly from God atop of Sinai Mountain around 3500 years ago. Jews believe that this original Torah remains unchanged and uncorrupted till this day. In this holy Torah, there are rules regarding Jews' food consumption known as Kashrut. From the Kashrut decree, jews are allowed to eat certain food and this permitted food are called Kosher, whereas the segment of forbidden food is called Therif and Jews are prohibited from consuming these types of food. Jews believe that Kosher rule was imposed upon them by God without any need of justification or explanation, and they have to abide by this rule as a sign of obedience. This article will explain the list of Therif or forbidden food for Jews according to their scripture Torah. Qualitative method was employed for this study, focussing on the content analysis of the Torah using deductive and inductive reasoning method. Findings showed that forbidden

food for Jews revolve around three main criteria which are (1) forbidden animal (2) forbiddance of blood and (3) forbidden mixture of meat and milk, as well as two accompanying Therif cases concerning certain forbidden tree/fruit and non-Jewish wine status.

**Keywords:** Jews, Torah, Kashrut, Kosher, Therif;

## Pengenalan

Kitab suci agama Yahudi, Tanakh, atau dikenali juga sebagai The Jewish Bible, terdiri daripada tiga kitab, iaitu Torah (Taurat bagi orang Islam), Nevi'im, dan Ketuvim. Torah bermaksud “Law” (Undang-Undang) atau “Guidance” (Petunjuk) dalam Bahasa Yahudi. Kitab Torah Yahudi terdiri daripada lima bahagian atau buku iaitu dari segi susunan kemunculan ialah Bereishit (Kejadian atau Genesis), Sh'mot (Keluaran atau Exodus), Vayikra (Imamat atau Leviticus), Bamidbar (Bilangan atau Numbers) dan D'varim (Ulangan atau Deuteronomy) (Maimonides, 1492/2000; Muhamad 2011). Kelima-lima kitab ini mengandungi perintah dan pantang-larang bagi agama Yahudi termasuklah peraturan pemakanan haram Yahudi.

Bagi agama Kristian, kelima-lima buku/bahagian dari Torah ini merupakan sebahagian daripada kandungan kitab Perjanjian Lama (The Old Testament). Kitab Perjanjian Lama mengandungi keseluruhan 39 buku yang berbeza (seperti Song of Songs, Genesis, dan Esther), dan lima buku pertama kitab Perjanjian Lama ini iaitu Kejadian (Genesis), Keluaran (Exodus), Imamat (Leviticus), Bilangan (Numbers) dan Ulangan (Deuteronomy) adalah sama dan serupa seperti kitab Torah dari segi kandungan dan susunan bab, dan dalam agama Kristian ia dikenali sebagai Pentateuch (Watts, 2013). Pentateuch iaitu lima buku pertama kitab Perjanjian Lama adalah terjemahan daripada Torah yang berbahasa Yahudi, pada dasarnya kedua-dua ini adalah kitab yang sama.

Peraturan pemakanan bagi agama Yahudi dikenali sebagai Kashrut atau Kashrus. Makanan yang boleh dimakan bagi penganut Yahudi di bawah undang-undang Kashrut ini dikenali sebagai Kosher. Kosher dari segi bahasa bermaksud “layak atau sesuai” dimakan bagi pengikut agama Yahudi (Hussaini, 1993). Undang-undang ini berasal dari kitab suci Yahudi iaitu Torah. Orang Yahudi percaya bahawa Moses (Musa bagi orang Islam) telah menerima perintah Tuhan di gunung Sinai lebih kurang 3500 tahun silam. Perintah Tuhan di gunung Sinai yang ditulis dan dibukukan dikenali sebagai the Written Law, atau Torah. Bagi perintah Tuhan di gunung Sinai ini yang tidak ditulis, ia dikenali sebagai the Oral Law dan disampaikan secara lisan sejak zaman-berzaman (Watts, 2013).

Setelah tentera Roman memusnahkan Kuil Yahudi di Jerusalem pada 70 Masihi, para Rabbi (iaitu pendeta berautoritatif agama Yahudi) merasakan perlunya perintah Tuhan lisan (the Oral Law) ini ditulis bagi mengelakkan ia hilang sama sekali kerana ramai orang Yahudi telah terbunuh dalam peristiwa tersebut (Yuval, 2011). Oral Law yang ditulis ini dikenali sebagai Mishnah, dan buku yang ditulis para Rabbi bagi membincangkan Mishnah dikenali sebagai Gemara. Gabungan Mishnah dan Gemara ini membentuk Talmud (Vidas, 2014), iaitu kitab kedua suci bagi agama Yahudi. Konsep dan kewajiban Kosher telah dinyatakan secara asas dalam Torah, namun penerangan terperinci mengenai Kosher hanya dapat diperolehi di dalam Talmud (Alexander, 2007).

Kosher merupakan antara pegangan utama kepercayaan Yahudi yang diamalkan sejak ribuan tahun. Orang Yahudi percaya Kosher dikuatkuasakan kepada mereka oleh Tuhan tanpa perlunya sebarang penerangan atau justifikasi atas sebab pengharaman makanan-makanan tersebut (Regenstein et al., 2003). Hanya dalam masa moden ini terdapat segelintir orang Yahudi yang mula menjustifikasikan senarai makanan ini sebagai makanan bermasalah kesihatan; iaitu ada antara mereka yang mula mengaitkan punca pengharaman ini sebagai menjaga status kesihatan. Namun arus perdana agama Yahudi masih berpegang kepada konsep Kosher adalah peraturan Tuhan yang perlu dipatuhi tanpa soal, dan akan dikenakan hukuman jika dilanggar; ia bukan peraturan kesihatan (Kaplan, 2010).

## Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan analisis kualitatif bagi proses pengumpulan dan huraian maklumat. Sumber primer dan sekunder akan dikumpulkan bagi melengkapkan objektif dan memurnikan kajian. Disebabkan kehadiran pelbagai versi kitab Torah yang terdapat dalam sirkulasi, dan hasil kebersamaan susunan dan kandungan antara Torah dan Pentateuch, maka kajian ini menggunakan sumber dari Pentateuch, iaitu lima buku pertama Perjanjian Lama (The Old Testament). Bagi mengurangkan kesilapan terjemahan dari Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu kitab Torah/Pentateuch ini, dan juga atas sebab ingin memelihara standard terjemahan, maka terjemahan terkini Bahasa Melayu Torah / Pentateuch iaitu dari

Alkitab Versi Borneo terbitan 2016 digunakan sebagai sumber primer kajian ini. Sumber primer lain adalah kitab Talmud Mishneh Torah hasil karya Rabbi ulung Maimonides yang telah disusun antara tahun 1170M dan 1180M dan pertama kali diterbitkan pada tahun 1492M (Kellner & Gillis, 2020). Sumber sekunder yang digunakan dalam kajian ini pula melibatkan rujukan dari thesis dan disertasi universiti, jurnal penyelidikan, buku-buku berkaitan agama Yahudi yang melibatkan perbincangan hukum, kenyataan dari para Rabbi serta sumber laman-laman web yang berautoriti. Metod deduktif dan induktif digunakan setelah pengumpulan lengkap segala sumber primer dan sekunder bagi merumus dan menyempurnakan objektif kajian.

## Makanan Haram bagi Agama Yahudi

Peraturan pemakanan Kosher agama Yahudi melibatkan tiga isu teras iaitu haiwan yang diharamkan, pengharaman darah dan pengharaman campuran daging dan susu (Regenstein et al., 2003). Dua isu tambahan kepada tiga isu teras ini adalah melibatkan larangan makan pohon/buah tertentu dan larangan arak bukan buatan Yahudi. Jika peraturan pemakanan ini dilanggar, hukuman yang boleh dikenakan adalah sebatan tidak lebih dari 39 kali (Maimonides, 1492/2000). Sebatan ini hanya boleh dilaksanakan sekiranya pesalah agama Yahudi tersebut makan makanan Therif bersaiz lebih besar daripada saiz buah zaitun, iaitu lebih kurang sepertiga saiz telur ayam (Weiner, 2010).

## Haiwan Haram Dimakan

Bagi isu teras pertama iaitu haiwan yang diharamkan dalam agama Yahudi, ia dapat dibahagikan kepada empat kategori, iaitu pertama kategori haiwan berkaki empat, kedua kategori burung, ketiga kategori haiwan laut dan keempat kategori serangga. Setiap kategori ini memiliki spesis dan haiwan tersendiri yang diharamkan sementara yang lainnya boleh dimakan.

Bagi agama Yahudi, setiap haiwan yang berkaki empat perlulah memiliki kedua-dua sifat berkuku belah (*cloven hoof*) dan memamah makanan (*ruminant*) bagi membolehkan ia dikategorikan sebagai Kosher. Haiwan yang mempunyai hanya salah satu sahaja daripada dua ciri ini (sama ada hanya berkuku belah, ataupun hanya memamah makanan) akan dianggap sebagai Therif, iaitu terma yang digunakan bagi menunjukkan bahawa haiwan tersebut haram dimakan dalam agama Yahudi (Eliasi & Dwyer, 2002).

Sebagai contoh, lembu mempunyai kuku belah dan memamah makanan, maka lembu adalah Kosher iaitu boleh dimakan. Unta dan arnab memamah makanan namun unta dan arnab tidak mempunyai kuku belah,

maka unta dan arnab dikategorikan sebagai haiwan Therif iaitu haram dimakan. Babi pula mempunyai kuku belah tetapi babi tidak memamah makanan, maka babi tergolong dalam kategori Therif iaitu haiwan haram dimakan bagi pengikut Yahudi. Haiwan yang langsung tidak memiliki kedua-dua ciri berkuku belah dan memamah makanan adalah secara jelas adalah Therif, seperti gajah.

Ini dinyatakan dalam kitab Torah bahagian Imamat (*Leviticus*) 11:1-8 berikut:

“Tuhan memberi Musa dan Harun peraturan-peraturan berikut (1) bagi umat Israel. Kamu boleh makan binatang darat apa sahaja (2) yang berkuku belah dan yang memamah biak (3). Tetapi kamu tidak boleh makan unta, landak batu, atau arnab (4). Binatang ini mesti dianggap haram kerana walaupun memamah biak, tetapi tidak berkuku belah (5). Jangan makan babi (6). Babi mesti dianggap haram kerana walaupun berkuku belah, tetapi tidak memamah biak (7). Jangan makan binatang-binatang itu, dan jangan sentuh bangkainya; binatang-binatang itu haram (8)” (Alkitab Versi Borneo, 2016, Imamat 11:1-8)

Juga dinyatakan dalam kitab Torah bahagian Ulangan (*Deuteronomi*) 14:3-8 berikut:

“Jangan makan apa-apa yang dinyatakan haram oleh Tuhan (3) Kamu boleh makan binatang ini: lembu, domba, kambing (4) rusa, domba hutan, kambing hutan, dan kijang (5) Tiap-tiap binatang yang berkuku belah dan yang memamah biak boleh dimakan (6) Kamu tidak boleh makan binatang yang tidak berkuku belah dan yang tidak memamah biak. Jangan makan daging unta, arnab, atau landak batu. Binatang itu haram kerana walaupun memamah biak, tetapi tidak berkuku belah (7) Jangan makan babi. Binatang itu haram, kerana walaupun berkuku belah tetapi binatang itu tidak memamah biak. Jangan makan binatang seperti itu, dan jangan sentuh bangkainya (8)” (Alkitab Versi Borneo, 2016, Ulangan 14:3-8)

Berdasarkan ayat-ayat Torah tersebut, haiwan Kosher Yahudi termasuklah lembu, kambing, biri-biri, kijang, dan rusa kerana memenuhi syarat berkuku belah dan memamah makanan. Haiwan haram atau Therif bagi agama Yahudi adalah unta, landak, arnab, dan babi kerana tidak memenuhi syarat berkuku belah dan memamah makanan. Senarai Therif ini dipanjangkan kepada kesemua haiwan yang tidak memenuhi kedua-dua syarat ini termasuklah kuda, tupai, anjing, beruang, kucing, gajah, badak dan lain-lain lagi.

Walaupun haiwan seperti lembu, kambing, biri-biri, kijang dan rusa ini adalah Kosher, namun bahagian lemak haiwan-haiwan tersebut adalah Therif dan dilarang makan oleh agama Yahudi. Ini berdasarkan petikan dari kitab Torah Imamat (*Leviticus*) 7:22-24 berikut:

“Tuhan memberikan peraturan berikut kepada Musa (22) bagi umat Israel. Lemak lembu, domba, ataupun kambing tidak boleh dimakan (23) Lemak daripada binatang yang mati biasa ataupun yang diterkam binatang buas, tidak boleh dimakan, tetapi boleh digunakan untuk keperluan lain (24) Orang yang makan lemak daripada binatang yang boleh dipersembahkan sebagai persembahan makanan kepada Tuhan, tidak lagi dianggap sebagai anggota umat Tuhan (25)” (*Alkitab Versi Borneo*, 2016, Imamat 7:22-25)

Ayat di atas memaklumkan bahawa walaupun bahagian lemak haiwan-haiwan Kosher tersebut adalah dilarang makan, namun ia masih dapat digunakan untuk keperluan lain seperti pakaian, dibuat kasut, beg dan lain-lain oleh pengikut agama Yahudi (Halbertal & Hartman, 2007).

Selain itu, Torah turut menyebut senarai binatang berikut sebagai haram:

“Tikus mondok, tikus, cicak, biawak, dan semua jenis bengkarung mesti dianggap haram” (*Alkitab Versi Borneo*, 2016, Imamat 11:29)

Bagi kategori kedua iaitu burung, burung yang bersifat pemangsa dan tidak mempunyai pedal (*gizzard*) yang dapat dibuang sepenuhnya seperti helang, bangau, gagak, burung hantu, serta semua burung yang tidak boleh terbang seperti burung unta adalah dianggap Therif dalam agama Yahudi (Muhamad, 2011). Ini adalah penetapan dari kitab Talmud berdasarkan kepada pentafsiran petikan kitab Torah bahagian Imamat (*Leviticus*) 11:13-19 berikut:

“Burung-burung yang berikut tidak boleh kamu makan: burung rajawali, burung hantu, semua jenis burung helang, burung nasar, burung gagak, burung unta, burung camar, burung ranggung, burung pucung, dan semua jenis burung bangau, burung undan, burung kosa, dan kelawar” (*Alkitab Versi Borneo*, 2016, Imamat 11:13-19)

Sehingga kini, masih tidak dapat dipastikan sama ada burung unta yang dinyatakan di dalam petikan Torah ini adalah sama dengan burung unta yang kita kenali kini (Regenstein et al., 2003).

Spesis burung yang baru ditemui juga adalah haram dimakan oleh sebahagian golongan Yahudi. Sebagai

contoh, ada sebahagian Rabbi yang mengkelaskan burung turki liar (*Meleagris gallopavo*) dan spesis ayam tidak berbulu sebagai Therif kerana kedua-dua spesis ini adalah baru dan tidak ditemui dalam sebarang tradisi Yahudi silam (Regenstein et al., 2003).

Bagi kategori ketiga iaitu haiwan laut, agama Yahudi melarang kesemua jenis haiwan laut melainkan jika ia mempunyai mempunyai kedua-dua sirip dan sisik. Ini bermakna haiwan laut yang tidak bersisik ataupun tidak bersirip seperti ketam, udang, kerang, dan sotong adalah jelas haram dimakan bagi agama Yahudi. Pada asasnya, ikan yang bersisik akan secara semulajadinya mempunyai sirip, maka penekanan haiwan laut yang haram bagi agama Yahudi adalah pada bahagian sisik. Ikan tidak bersisik seperti ikan paus dan jerung adalah haram dalam agama Yahudi. Sisik ini mestilah kelihatan jelas pada mata kasar manusia dan boleh dibuang dari badan ikan tanpa mengoyakkan kulitnya bagi mencapai status Kosher. Jika tidak, ia dikira Therif (Regenstein et al., 2003).

Ini berdasarkan petikan dari kitab Torah bahagian Imamat (*Leviticus*) 11:9-12 berikut:

“Kamu boleh makan semua jenis ikan yang mempunyai sirip dan sisik (9), tetapi apa sahaja binatang yang hidup di dalam air dan yang tidak mempunyai sirip dan sisik, tidak boleh dimakan (10), Binatang seperti itu mesti dianggap haram. Kamu tidak boleh memakannya ataupun menyentuh bangkainya (11) Kamu tidak boleh makan binatang apa sahaja yang hidup di dalam air dan yang tidak mempunyai sirip dan sisik (12)” (*Alkitab Versi Borneo*, 2016, Imamat 11:9-12)

Beberapa jenis ikan masih menjadi kontroversi hangat dalam agama Yahudi, contohnya ikan todak yang mempunyai sisik unik yang belum dapat dikelaskan saintis sehingga kini. Ikan todak mempunyai sisik ketika ia kecil, namun semakin ia meningkat dewasa, sisik ini akan menghilang dan digantikan dengan sisik unik yang tidak kelihatan seperti sisik. Ikan purba *sturgeon* juga menimbulkan perdebatan dalam kalangan Rabbi Yahudi sama ada ia haram dimakan atau sebaliknya (Halbertal & Hartman, 2007).

Kategori keempat dan terakhir ialah serangga. Dalam agama Yahudi hampir semua serangga terutama yang bersayap adalah haram dimakan, kecuali keluarga belalang. Ini kerana belalang bergerak dalam mekanisme unik dengan melompat. Ini berdasarkan petikan kitab Torah bahagian Imamat (*Leviticus*) 11:20-23 seperti berikut:

“Semua serangga yang bersayap adalah haram (20) kecuali serangga yang dapat melompat (21)

Kamu boleh makan belalang juta, jengkerik, dan belalang (22) Tetapi semua serangga lain yang bersayap dan juga yang merayap mesti dianggap haram (23)" (*Alkitab Versi Borneo*, 2016, Imamat 11:20-23)

Juga berdasarkan petikan kitab Torah bahagian Imamat (*Leviticus*) 11:41-43 yang berikut:

"Kamu tidak boleh makan binatang kecil yang bergerak di atas tanah (41) baik binatang yang menjalar, yang berjalan dengan empat kaki, ataupun yang mempunyai banyak kaki (42) Jangan najiskan diri kamu dengan memakan salah satu binatang itu (43)" (*Alkitab Versi Borneo*, 2016, Imamat 11:41-43)

Lebah adalah termasuk dalam kategori serangga, jadi lebah adalah tergolong dalam kategori Therif atau haram dimakan bagi agama Yahudi.

Dalam kitab Talmud, iaitu kitab suci kedua bagi agama Yahudi, Peraturan Lisan atau Oral Law dalam Mishnah menyatakan bahawa "sesuatu yang berhasil atau datang dari sesuatu yang Therif adalah juga Therif, manakala sesuatu yang berhasil atau datang dari sesuatu yang Kosher adalah juga Kosher" (Maimonides, 1492/2000). Menerusi kaedah ini, susu yang berasal daripada haiwan Therif seperti unta adalah juga Therif, telur daripada haiwan Therif seperti burung helang adalah juga Therif. Manakala susu yang berasal daripada haiwan Kosher seperti lembu adalah Kosher, dan telur yang berasal dari haiwan Kosher seperti ayam adalah berstatus Kosher (Vidas, 2014).

Lebah adalah serangga Therif atau haram dimakan. Lebah menghisap *nectar* (manisan bunga) menerusi *proboscis* (mulut) dan manisan ini bercampur dengan *saliva* (air liur) lebah, dan hasil percampuran ini dan tindak balas seterusnya menghasilkan *honey* (madu). Para Rabbi Yahudi berpandangan madu adalah pada asasnya hanya manisan bunga yang telah ditransformasi oleh lebah yang bertindak sebagai agen pembawa atau fasilitator, dan madu bukannya berasal dari perut lebah itu sendiri. Jadi madu bagi agama Yahudi adalah Kosher walaupun dihasilkan oleh haiwan Therif lebah (Berenbaum, 2010; Halbertal & Hartman, 2007).

Namun hanya madu asli yang diklasifikasikan sebagai Kosher. Bagi madu yang telah bercampur dengan bahan lain terutama bahan yang Therif, status madu akan bertukar. Ini berdasarkan kaedah dalam Talmud yang menyatakan "*bahan Kosher yang bercampur dengan bahan Therif akan menjadi Therif*". Maka daging haiwan Kosher seperti lembu apabila bercampur dengan daging haiwan Therif seperti unta,

campuran daging tersebut akan menjadi Therif (Berenbaum, 2010).

Jika manisan bunga yang dikumpul lebah menerusi mulutnya dipanggil madu, manisan resin atau damar dari pokok yang dikumpul lebah menerusi mulutnya dipanggil *propolis*. Propolis merupakan produk anti-bakteria yang popular kini dan meluas digunakan sebagai agen anti-bakteria, agen anti-fungus, serta pengawet. Propolis pada asasnya adalah manisan resin atau damar yang telah ditransformasi oleh lebah sebagai agen pembawa dan bukannya berasal dari perut lebah itu sendiri. Jadi seperti madu, propolis juga adalah Kosher bagi agama Yahudi. Namun kebiasaannya propolis akan dicampur dengan alkohol sebelum dipasarkan, status Kosher ini akan berubah bergantung pada jenis alkohol yang digunakan (Berenbaum, 2010).

Lain pula halnya dengan *Royal Jelly* ataupun Madu Ratu. Madu Ratu, seperti namanya, adalah madu yang dihasilkan khas oleh lebah pekerja semata-mata untuk jamuan lebah permaisuri. Ia dihasilkan dari rembesan kelenjar yang terletak di kepala lebah pekerja, iaitu ia berasal dari dalam tubuh badan lebah itu sendiri. Madu Ratu adalah dihukumkan Therif oleh Rabbi-Rabbi Yahudi disebabkan mekanisme penghasilannya ini. Racun sengat lebah juga dihasilkan dari dalam badan lebah, jadi racun sengat lebah juga termasuk kategori Therif (Berenbaum, 2010).

## Pengharaman Darah

Isu teras kedua dalam makanan haram Yahudi adalah melibatkan darah. Agama Yahudi mengharamkan semua jenis darah yang mengalir dalam badan haiwan, tidak kira darah itu berasal dari haiwan Kosher atau haiwan Therif. Ini berdasarkan petikan dari kitab Torah bahagian Imamat (*Leviticus*) 11:26-27 berikut:

"Di mana sahaja orang Israel tinggal, mereka sekali-kali tidak boleh makan darah burung ataupun darah binatang (26) Sesiapa yang melanggar peraturan ini tidak lagi dianggap sebagai anggota umat Tuhan (27)" (*Alkitab Versi Borneo*, 2016, Imamat 11:26-27)

Bagi haiwan Kosher iaitu haiwan yang boleh dimakan, darah mesti disingkirkan dari tubuh badan haiwan tersebut sebelum haiwan itu boleh dimakan. Ini dinyatakan dalam kitab Torah bahagian Kejadian (*Genesis*) 9:3-4 setelah Noah (Nuh dalam agama Islam) terselamat dari banjir besar yang melanda muka bumi,

"Kini kamu boleh makan semuanya, serta tumbuh-tumbuhan hijau; Aku memberikan semua itu kepada kamu sebagai makanan (3) Hanya daging yang masih berdarah tidak boleh

kamu makan, kerana nyawa itu terkandung di dalam darah (4)" (*Alkitab Versi Borneo*, 2016, Kejadian 9:3-4)

Ayat di atas berbentuk umum, iaitu agama Yahudi telah dibolehkan oleh Tuhan mereka untuk menikmati tumbuhan dan daging tanpa darah setelah peristiwa banjir besar pada zaman nabi Noah. Ayat seterusnya di bawah menerangkan bagaimana daging tanpa darah dapat dilaksanakan bagi membolehkan daging itu dimakan bagi agama Yahudi.

"Jika tempat yang akan dipilih Tuhanmu untuk menegakkan nama-Nya itu terlalu jauh dari tempatmu, maka engkau boleh menyembelih haiwan dari kawanan lembu dan kawanan domba yang dikurniakan Tuhan kepadamu, seperti kuperintahkan kepadamu, dan memakannya di kota-kotamu sesuka hatimu" (*Alkitab Versi Borneo*, 2016, Ulangan 12:21)

Inilah asal usul dan sumber utama hukum penyembelihan yang dilaksanakan dalam agama Yahudi bagi menyingkirkan darah daripada haiwan Kosher bagi membolehkan haiwan itu dimakan kerana darah adalah Therif dalam agama Yahudi. Proses penyembelihan ini hanya melibatkan haiwan Kosher kategori pertama dan kedua di atas, iaitu haiwan berkaki empat berkuku belah dan memamah (ruminan) serta burung. Kategori ketiga dan keempat iaitu melibatkan hidupan laut dan serangga Kosher tidak perlu melalui proses penyembelihan (Eliasi & Dwyer, 2002).

Proses penyembelihan menurut agama Yahudi perlu dilaksanakan oleh seorang penyembelih terlatih Yahudi yang digelar "*shochet*", menggunakan pisau khas yang dipanggil "*chalef*". Pisau ini sangat tajam dan perlu memiliki bilah lurus sekurang-kurangnya dua kali diameter tengkuk haiwan yang hendak disembelih. Sebelum penyembelihan, "*shochet*" akan melakukan upacara bacaan doa iaitu memohon keampunan bagi nyawa haiwan yang akan diambil. Bacaan doa ini hanya dilakukan sekali di luar rumah penyembelihan dan bukannya kepada setiap haiwan korban (Aghwan & Regenstein., 2019).

Kaedah "*stunning*" atau kejutan elektrik adalah tidak dibenarkan dalam agama Yahudi. Pemeriksaan rapi pisau "*chalef*" serta keadaan haiwan yang akan disembelih akan dilakukan oleh "*shochet*". Berbeza dengan penyembelihan umat Islam yang tidak memerlukan haiwan yang telah disembelih diperiksa bagi kecacatan, agama Yahudi memerlukan haiwan Kosher yang telah disembelih diperiksa keadaan paru-parunya bagi mengesan sebarang kecacatan. Ini adalah berdasarkan tafsiran daripada kitab Torah bahagian Keluaran (*Exodus*) 22:31 berikut:

"Jadilah orang yang suci bagi-Ku. Jangan kamu makan daging yang dikoyak-koyakkan oleh binatang liar. Campakkanlah daging itu kepada anjing" (*Alkitab Versi Borneo*, 2016, Keluaran 22:31)

Sekiranya paru-paru haiwan Kosher yang telah disembelih didapati berlubang/bocor (*punctured lung*), maka daging haiwan itu serta-merta akan dihukumkan Therif (Regenstein et al., 2003). Sebaliknya, jika paru-paru haiwan Kosher yang telah disembelih itu mengandungi sedikit kecacatan, misalnya kewujudan urat parut paru-paru bersambung (*lung adhesion*), maka ia masih dikategorikan sebagai Kosher. Jika paru-paru haiwan Kosher yang telah disembelih itu sempurna dari sebarang kecacatan, ia dikategorikan sebagai "Glatt Kosher", iaitu penarafan Kosher yang paling tinggi (Lesser, 1982).

Pemeriksaan pasca sembelihan bagi agama Yahudi ini tidak terhad kepada paru-paru sahaja, di mana sebarang keadaan yang memungkinkan haiwan tersebut menderita kesakitan semasa hidupnya namun tidak dapat dikesan sebelum penyembelihan seperti tulang rusuk patah akan menyebabkan haiwan Kosher yang telah disembelih itu menjadi Therif (Lever et al., 2022).

Selesai proses penyembelihan, proses "*nikkur*" akan dijalankan di mana kesemua bahagian haiwan Kosher yang tidak dibenarkan (Therif) dimakan oleh pengikut Yahudi akan dibuang. Proses ini akan dilakukan oleh seorang Yahudi terlatih yang digelar "*menacker*". Bahagian-bahagian yang akan dibuang termasuklah lemak seperti yang diterangkan dalam Imamat (*Leviticus*) 7:22-25 sebelum ini beserta bahagian belakang haiwan/pinggang (*hindquarter*) (Aghwan & Regenstein, 2019).

Bagi agama Yahudi, bahagian *hindquarter* ataupun belakang haiwan/pinggang adalah Therif ataupun haram dimakan kerana nabi mereka Yakub (Yaakub dalam agama Islam) pernah dipukul pada bahagian itu oleh jelmaan Tuhan. Ini dicatatkan dalam kitab Torah bahagian Kejadian (*Genesis*) 32:31-32 seperti berikut:

"Pada waktu matahari terbit, Yakub meninggalkan Peniel. Dia pincang kerana sendi pinggulnya terkehel (31) Sampai sekarang keturunan Israel tidak makan daging yang menutupi sendi pinggul binatang, kerana Yakub kena pukul pada pinggulnya (32)" (*Alkitab Versi Borneo*, 2016, Kejadian 32:31-32)

Namun, mengambil kira faktor tradisi seperti yang kerap ditekankan dalam Talmud, ada sebahagian Rabbi yang membenarkan memakan bahagian belakang haiwan/pinggang seperti rusa memandangkan tradisi silam masyarakat setempat Yahudi di sesuatu kawasan

yang biasa mengambil dan memakan belakang rusa (Regenstein et al., 2003).

Binatang yang Kosher tetapi tidak disembelih mengikut peraturan Kosher juga dikira sebagai Therif. Binatang yang diperolehi daripada hasil berburu dan tidak disembelih adalah Therif bagi penganut Yahudi. Mereka tidak dibenarkan memakan bintang yang ditembak mahupun yang dipanah kerana ia dikira sebagai bangkai (Muhamad, 2011). Binatang yang disembelih tetapi bukan kerana Tuhan Yahudi juga dianggap Therif berdasarkan ayat kitab Torah bahagian Keluaran (*Exodus*) 22:20 berikut:

“Sesiapa yang mempersebahkan korban kepada tuhan-tuhan lain, kecuali kepada Aku, Tuhan, orang itu harus dihukum mati (20)” (*Alkitab Versi Borneo*, 2016, Keluaran 22:20)

### Pengharaman Campuran Daging dan Susu

Isu teras ketiga dan terakhir dalam makanan haram Yahudi adalah pengharaman campuran daging dan susu. Agama Yahudi secara keras melarang campuran antara daging dan susu. Ini dizahirkan melalui tiga kali peringatan kepada kaum Yahudi di dalam kitab Torah dalam dua bahagian/bab berlainan iaitu Keluaran (*Exodus*) dan Ulangan (*Deutronomi*) supaya menjauhi perbuatan ini.

“Tiap-tiap tahun, bawalah hasil pertama yang terbaik daripada tanaman kamu, ke rumah Tuhan kamu. Jangan masak anak domba atau anak kambing di dalam air susu induknya” (*Alkitab Versi Borneo*, 2016, Keluaran 23:19)

“Tiap-tiap tahun, bawalah hasil pertama dari tanah kamu ke rumah Tuhan kamu. Jangan masak anak domba atau anak kambing dalam air susu induknya” (*Alkitab Versi Borneo*, 2016, Keluaran 34:26)

“Jangan makan binatang yang mati biasa. Daging binatang itu boleh dimakan oleh orang asing yang tinggal di kalangan kamu, atau dijual kepada orang asing. Tetapi kamu milik Tuhan kamu; kamu umat-Nya. Jangan rebus anak domba atau anak kambing di dalam susu induknya” (*Alkitab Versi Borneo*, 2016, Ulangan 14:21)

Walaupun ayat-ayat kitab Torah ini secara literalnya melarang anak domba atau anak kambing dimasak atau direbus dalam susu induk atau ibunya, namun tafsiran sebenarnya menurut kitab Talmud adalah larangan mencampur dan memakan daging dan susu serentak dalam satu hidangan (Maimonides, 1492/2000).

Agama Yahudi melarang campuran daging dan susu serentak, namun dibolehkan memakan kedua-dua makanan dan minuman ini (daging dan susu) setelah beberapa selang masa, biasanya antara jangka masa 3-6 jam selepas selesai satu hidangan daging sebelum dibolehkan menikmati susu, bergantung kepada adat ataupun tradisi pemakanan Yahudi setempat. Selang masa ini berkang kepada hanya satu jam sekiranya susu diminum sebelum memakan daging. Mulut perlu dibilas dan dikumur dengan air di antara kedua-dua hidangan ini (Regenstein et al., 2003).

### Makanan Haram Agama Yahudi Selain Tiga Isu Teras

Selain tiga isu teras utama makanan haram Yahudi seperti yang telah dibincangkan iaitu haiwan larangan, larangan darah serta larangan campuran daging dan susu, terdapat dua lagi kategori tambahan (bukan teras) makanan yang diharamkan (Therif) dalam agama Yahudi. Dua kategori tambahan (bukan teras) tersebut adalah kategori larangan buah-buahan / tumbuh-tumbuhan tertentu serta kategori larangan arak tertentu dalam agama Yahudi (Regenstein et al., 2003). Walaupun dua kategori ini distatuskan sebagai bukan teras utama makanan haram Yahudi, namun ia masih memainkan peranan besar dalam kehidupan penganut Yahudi dan mereka masih mengelak daripada mengambil makanan-makanan ini sehingga ke hari ini (Lever et al., 2022).

### Tumbuh - Tumbuhan / Buah - Buahan Tertentu Yang Dilarang

Dalam agama Yahudi, buah-buahan yang terhasil dari tiga tahun pertama pertumbuhan sebarang jenis pokok adalah dipanggil “Orlah” (Maimonides, 1492/2000). Buah-buahan “Orlah” ini, iaitu buah bagi tiga tahun pertama kehidupan pokok, adalah haram dimakan dalam agama Yahudi. Ini berdasarkan ayat dari kitab Torah bahagian Imamat (*Leviticus*) 19:23-25 berikut:

“Apabila kamu meneroka negeri itu lalu kamu menanam segala jenis pohon buah-buahan, maka hendaklah selama tiga tahun buahnya kamu pandang sebagai buah terlarang. Jangan kamu memakannya” (*Alkitab Versi Borneo*, 2016, Imamat 19:23)

“Pada tahun keempat kesemua buahnya hendaklah suci dan menjadi sebagai suatu persembahan puji-pujian kepada Tuhan” (*Alkitab Versi Borneo*, 2016, Imamat 19:24)

“Pada tahun kelima barulah kamu boleh memakan buahnya. Dengan demikian pohon-pohon itu akan memberikan hasil kepadamu. Akulah Tuhanmu” (*Alkitab Versi Borneo*, 2016, Imamat 19:25)

Walaupun ayat Imamat (*Leviticus*) dari kitab Torah di atas memaklumkan buah “*Orlah*” tiga tahun pertama ini hanya diharamkan di bumi atau tanah Israel, kitab Talmud memanjangkan tegahan ini kepada luar Israel iaitu ke seluruh dunia (Maimonides, 1492/2000). Semua hasil tanaman “*Orlah*” iaitu yang buah yang berusia kurang tiga tahun perlu dibiarkan mereput di ladang, ataupun dibakar (Maimonides, 1492/2000). Larangan ini hanya terhad pada buah “*Orlah*”, bahagian lain tumbuhan sama yang boleh dimakan (edible) berusia bawah tiga tahun adalah boleh dimakan.

Ini menimbulkan masalah pada pokok yang berbuah di bawah usia tiga tahun seperti pokok betik. Perbincangan dan keraguan kepada tumbuh-tumbuhan seperti ini sama ada haram atau boleh dimakan sebelum tiba masanya masih berlarutan sehingga kini (Regenstein et al., 2003).

Bagi tahun keempat, buah “*Orlah*” yang ditanam di bumi Israel hanya boleh dipersembahkan kepada Tuhan ataupun dimakan hanya di Jerusalem. Bagi buah “*Orlah*” yang ditanam di luar bumi Israel, Maimonides (1429/2000) berpandangan ia dibolehkan dimakan di mana-mana saja kerana larangan buah tahun keempat ini terhad pada pokok yang ditanam di Israel sahaja. Buah bagi tahun kelima dibolehkan dimakan di mana-mana.

Agama Yahudi juga melarang penanaman campuran (mixed planting), terutamanya melibatkan penanaman campuran di ladang anggur (grapevine). Ini berdasarkan ayat-ayat dari kitab Torah berikut:

“Berpegang teguhlah pada segala peraturan-Ku. Jangan membaki baka kacukan daripada dua jenis haiwan ternakanmu. Jangan semai dua jenis benih bijirin di ladangmu. Jangan kenakan pada tubuhmu pakaian yang ditenun daripada dua jenis benang” (*Alkitab Versi Borneo*, 2016, Imamat 19:19)

“Jangan semai dua jenis benih di dalam kebun anggurmu supaya jangan seluruh hasil kebun anggurmu termasuk benih lain yang kau taburkan itu menjadi milik tempat suci” (*Alkitab Versi Borneo*, 2016, Ulangan 22:9)

Jika suatu tumbuhan ditanam berskali dalam kebun anggur, kedua-dua tumbuhan dan anggur itu dihukumkan Therif iaitu haram dimakan dalam agama Yahudi. Hukum ini terlaksana di mana-mana sahaja, termasuklah di luar tanah Israel (Maimonides, 1429/2000). Agama Yahudi juga melarang penanaman

campur bagi ladang selain anggur, namun larangan ini hanyalah larangan proses penanaman, buah-buahan hasil penanaman campur ladang selain anggur ini masih boleh dimakan (Kosher) (Halbertal, 2007). Dalam ertikata lain, bagi ladang selain anggur, masih diharamkan penanaman campur, namun buahnya boleh dimakan.

## Arak Bukan Buatan Yahudi

Arak adalah Kosher atau dibolehkan dalam agama Yahudi, asalkan arak itu dibuat oleh orang Yahudi sendiri. Arak yang dihasilkan oleh orang bukan Yahudi adalah Therif, dan jika arak ini bercampur dengan arak buatan Yahudi yang berstatus Kosher, semuanya akan bertukar kepada Therif. Sama seperti sembelihan, arak yang telah dipersembahkan dalam suatu aktiviti pemujaan tertentu selain kepada tuhan Yahudi akan menjadi Therif (Muhamad, 2011).

Menurut kepercayaan agama Yahudi, hukum arak ini adalah berdasarkan kefahaman ayat kitab Torah bahagian Imamat (*Leviticus*) 10:8-9 berikut:

“Tuhan berfirman kepada Harun (8) “Janganlah engkau dan anak-anakmu masuk ke dalam Khemah Tuhan setelah minum wain ataupun minuman keras. Jika kamu masuk, kamu akan mati. Inilah peraturan yang mestilah dipatuhi oleh semua keturunanmu” (9)” (*Alkitab Versi Borneo*, 2016, Imamat 10:8-9)

Orang Yahudi percaya perintah pengharaman arak dalam ayat ini hanya tertakluk kepada orang di wilayah Nazarite yang sedang bernazar kepada Tuhan mereka. Setelah selesai nazar, golongan Nazarite ini perlu melaksanakan upacara “korban arak” bagi membebaskan diri mereka dari kekangan pengharaman arak dan mereka boleh minum arak selepas itu (Loewenthal, 2014).

## Kesimpulan

Kitab suci utama bagi agama Yahudi adalah Torah (Sabjan, 2009), dan apabila digabungkan dengan penjelasan dari kitab suci kedua mereka iaitu Talmud, ia membentuk peraturan pemakanan tersendiri bagi orang Yahudi. Undang-undang pemakanan Yahudi ini dinamakan Kashrut, haiwan dan makanan yang boleh dimakan digelar Kosher manakala haiwan dan makanan yang tidak boleh dimakan dikategorikan sebagai Therif. Peraturan pemakanan Kosher melibatkan tiga isu teras iaitu haiwan yang diharamkan, pengharaman darah dan pengharaman campuran daging dan susu. Isu teras pertama iaitu haiwan yang diharamkan dapat dibahagikan kepada empat kategori, iaitu pertama kategori haiwan berkaki empat, kedua kategori burung, ketiga kategori haiwan laut dan keempat kategori

serangga. Setiap kategori ini memiliki spesis dan haiwan tersendiri yang diharamkan sementara yang lainnya boleh dimakan. Isu teras kedua pemakanan Kosher adalah pengharaman darah, manakala isu teras ketiga dan terakhir adalah pengharaman campuran daging dan susu. Selain tiga isu teras tersebut, terdapat dua isu tambahan bagi makanan haram orang Yahudi. Pertama, terdapat larangan buah-buahan/tumbuh-tumbuhan tertentu dalam agama Yahudi menurut tempoh masa serta kaedah tanaman, iaitu pengharaman buah dibawah usia tiga tahun serta pengharaman tanaman campur. Kedua, arak tidak dilarang dalam amalan agama Yahudi sekiranya arak itu dihasilkan oleh orang Yahudi sendiri. Sekiranya arak itu adalah buatan orang bukan Yahudi, barulah ia akan tergolong dalam kategori Therif iaitu haram diminum.

## Penghargaan

Makalah ini adalah salah satu daripada hasil penyelidikan tajaan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui pembiayaan geran Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) bertajuk “Kerangka Dasar Halalan Toyiba dalam Penggunaan Air” bernombor kod FRGS/1/2021/SSI0/USM/02/6.

## Rujukan

Aghwan, Z. A., & Regenstein, J. M. (2019). Slaughter practices of different faiths in different countries. *Journal of animal science and technology*, 61(3), 111–121. <https://doi.org/10.5187/jast.2019.61.3.111>

Alexander, E. S. (2007). The Orality of Rabbinic Writing. *The Cambridge Companion to the Talmud and Rabbinic Literature*, 38–57. <https://doi.org/10.1017/ccol0521843901.003>

Alkitab Versi Borneo. (2016). Alkitab Versi Borneo Online. <https://www.bible.com/ms> (Original work published 2016).

Berenbaum, M. R. (2010). *Honey, I'm Homemade: Sweet Treats from the Beehive across the Centuries and around the World*. University of Illinois Press.

Eliasi, J. R., & Dwyer, J. T. (2002). Kosher and Halal: religious observances affecting dietary intakes. *Journal of the American Dietetic Association*, 102(7), 911–913. [https://doi.org/10.1016/s0002-8223\(02\)90203-8](https://doi.org/10.1016/s0002-8223(02)90203-8)

Halbertal, M., & Hartman, D. (Eds.). (2007). *Judaism and the challenges of modern life*. A&C Black.

Hussaini, M. M. (1993). *Islamic dietary concepts & practices*. Islamic Food & Nutrition Council of America.

Kaplan, M. M. (2010). *Judaism as a civilization: Toward a reconstruction of American-Jewish life*. University of Nebraska Press.

Kellner, M., & Gillis, D. (2020). *Maimonides the Universalist*. Liverpool University Press.

Lesser, W. H. (1982, January 1). *Marketing Fat Cattle for Kosher Slaughter in the Northeast*. Ecommons.cornell.edu.

<https://ecommons.cornell.edu/handle/1813/69036>

Lever, J., Vandeventer, J. S., & Miele, M. (2022). The ontological politics of kosher food: Between strict orthodoxy and global markets. *Environment and Planning A: Economy and Space*, 0308518X22112702. <https://doi.org/10.1177/0308518x221127025>

Loewenthal, K. (2014). Addiction: Alcohol and Substance Abuse in Judaism. *Religions*, 5(4), 972–984. MDPI AG. <http://dx.doi.org/10.3390/rel5040972>

Maimonides, M. (2000). *Mishneh Torah*. (Eliyahu Touger, Trans.; Frankel, S. Ed.). [https://www.chabad.org/library/article\\_cdo/aid/682956/j\\_ewish/Mishneh-Torah](https://www.chabad.org/library/article_cdo/aid/682956/j_ewish/Mishneh-Torah). Hotzaat Shabse. (Original work published 1492).

Muhamad, K. N. (2011). *Konsep Kosher Dalam Agama Yahudi: Analisis Menurut Perspektif Pemikiran Hukum Islam*. [Masters Thesis, University of Malaya]. UM Students' Repository <http://studentsrepo.um.edu.my/5203/>

Regenstein, J. M., Chaudry, M. M., & Regenstein, C. E. (2003). The Kosher and Halal Food Laws. *Comprehensive reviews in food science and food safety*, 2(3), 111–127. <https://doi.org/10.1111/j.1541-4337.2003.tb00018.x>

Sabjan, M. A. (2009). *People of the Book and the People of a Dubious Book in Islamic Religious Tradition*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Vidas, M. (2014). *Tradition and the Formation of the Talmud*. Princeton University Press.

Watts, J. W. (2013). The political and legal uses of scripture. *The New Cambridge History of the Bible*, 345–364.

<https://doi.org/10.1017/cbo9781139033671.019>

Weiner, C. (2010, September 2). *How Big is an Olive? A Question of Jewish Law*. <https://jewishlaw.wordpress.com/2010/09/02/how-big-is-an-olive/>

Yuval, I. J. (2011). The Orality of Jewish Oral Law: from Pedagogy to Ideology. *Judaism, Christianity, and Islam in the Course of History: Exchange and Conflicts*, 237–260. <https://doi.org/10.1515/9783110446739-021>